

**SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHAP KHUAN  
48100 BATU ARANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**MESYUARAT PANITIA PENDIDIKAN MORAL  
BILANGAN 1 TAHUN 2022/2023**

**Tarikh** : 24 Februari 2022 (Khamis)  
**Masa** : 2.00 petang  
**Tempat** : Dewan Sekolah  
**Kehadiran** : 13/13 (Rujuk Lampiran Senarai Kehadiran)

**Urus Setia Mesyuarat**

1. Gwee Siew Teng : Setiausaha Panitia Pendidikan Moral

**1. PERUTUSAN Pengerusi**

1.1 Pengerusi menegaskan tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan pembentukan AJK baru Panitia Pendidikan Moral Tahun 2022, aktiviti tahunan yang akan dijalankan, Rancangan Pengajaran Harian, Rancangan Pelajaran Tahunan dan DSKP, pengubalan soalan dan format peperiksaan, Pelaksanaan PBD dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

**2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**

Puan Tan Xiao Yun mencadangkan Minit Mesyuarat Bil 4/2021 disahkan dan disokong oleh Puan Chin Su Ni tanpa pindaan.

**3. PERKARA BERBANGKIT**

3.1. Tiada

**4. PERKARA BAHARU**

4.1 Pembentukan AJK baru Panitia Pendidikan Moral Tahun 2022 (Rujuk lampiran 2).

**Makluman**

4.2 Rancangan Pelajaran Tahunan dan DSKP

4.2.1 Memastikan semua guru Pendidikan Moral mendapat Rancangan Pelajaran Tahunan dan DSKP.

**Tindakan: Ketua Panitia Pendidikan Moral**

4.2.2 Semua guru diingatkan agar merujuk dan memperhalusi DSKP dari semasa ke semasa.

**Makluman**

4.3 Rancangan Pengajaran Harian

4.3.1 Guru-guru diingatkan dan cakna tentang akta serta peraturan berkenaan dengan persediaan mengajar dan maklumat perlu dilengkapkan sewajarnya.

**Makluman**

4.3.2 Semua guru ditegaskan untuk mengikut format penulisan Rancangan Pengajaran Harian seperti yang ditetapkan dan diselaraskan. (Rujuk Public On Server). Aktiviti PdPc abad ke-21 dijalankan dan berpusatkan murid. Selain itu, guru perlu menulis tangan di bahagian refleksi.

**Makluman**

4.3.3 Penulisan Rancangan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Harian hendaklah mengandungi perkara yang digariskan dan perlu dihantar untuk semakan guru besar setiap hari Jumaat.

**Tindakan: Semua Guru Pendidikan Moral**

#### 4.4 Pengagihan Latihan Murid

Latihan murid perlu diberi mengikut sasaran yang ditetapkan iaitu 2 jenis latihan bagi setiap standard kandungan. Pelaksanaannya perlu diberi perhatian agar seimbang dengan kemahiran dan tahap penguasaan murid-murid.

**Makluman**

#### 4.5 Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah (PBD)

Guru-guru wajib merekodkan tahap perkembangan pembelajaran murid dan perlu difail dalam rekod persediaan mengajar sebagai sokongan dan bahan bukti. Pemantauan akan dijalankan oleh pegawai mahupun pihak pentadbir.

**Tindakan: Semua Guru Pendidikan Moral**

#### 4.6 Peperiksaan dan Penggubalan Soalan Tahap 2

4.6.1 Pentaksiran dalaman akan dijalankan dua kali setahun bagi murid Tahap dua sahaja iaitu Pentaksiran Pertengahan Tahun dan Akhir Tahun.

**Makluman**

4.6.2 Guru diingatkan agar merujuk jadual peperiksaan dan jadual penggubal soalan di dalam takwim sekolah.

**Makluman**

4.6.3 Markah pentaksiran murid termasuk 20% markah praktikal murid, iaitu:

- i) Sikap – 10%
- ii) Kebersihan – 5%
- iii) Kerja rumah -5%

**Makluman**

#### 4.7 Kewangan dan Anggaran Perbelanjaan

Guru yang ingin mencadangkan bahan bantu belajar untuk memudahkan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan boleh memaklumkan kepada ketua panitia agar peruntukan dapat digunakan dan diuruskan dengan baik mengikut kaedah dan prosedur berbelanja.

**Makluman**

#### 4.8 Aktiviti Tahunan 2022

4.8.1 Aktiviti menggosok gigi dari Tahun 1 hingga 6 dibatalkan.

**Tindakan: Semua Guru Pendidikan Moral**

4.8.2 Pemilihan murid teladan bulanan akan dijalankan setiap bulan mengikut tema (Rujuk lampiran 4).

**Tindakan: Semua Guru Pendidikan Moral**

4.8.3 Pemilihan tokoh murid akan dijalankan pada bulan Februari tahun 2023.

**Makluman**

## 5. PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3 petang.

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

\_\_\_\_\_  
( GWEE SIEW TENG )  
Setiausaha  
SJK(C) Chap Khuan

\_\_\_\_\_  
( CHIANG KOK YOONG )  
Ketua Panitia  
SJK(C) Chap Khuan

\_\_\_\_\_  
( TEO AH THIM )  
GPK Pentadbiran  
SJK(C) Chap Khuan

## 《每月之星》- 每月主题

<b>月份</b>	<b>主题</b>
四月	礼貌之星
五月	负责任之星
六月	勇敢之星
七月	守时之星
八月	友善之星
九月	环保之星
十月	诚实之星
十一月	整洁之星
一月	勤勉之星